

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 AUGUST 2016

PM kecewa bekas pemimpin gadai perjuangan demi ego

BH- 13/8/2016

➔ Pelbagai tohmahan dilempar tak halang Najib teruskan tanggungjawab bangun agama, bangsa dan negara

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, tiada bezanya kepemimpinan beliau dan pemimpin terdahulu kerana kedua-duanya tidak terlepas daripada tohmahan.

Namun, Perdana Menteri melahirkan kekecewaan atas sikap pemimpin berkenaan yang kini memilih untuk bersubahat dengan musuh politik walaupun pernah dituduh sebagai pemberi rasuah, menyalah guna kuasa dan kepala perompak oleh pihak berkenaan.

“Amat mengecewakan apabila seorang pemimpin lama hari ini sanggup menggadaikan perjuangan atas nama agama, bangsa dan negara semata-mata ingin bersekongkol dengan parti lain yang matlamatnya terang-terang bertentangan dengan matlamat dan nilai parti yang diperjuangkannya (pemimpin itu) dahulu.

“(Semata-mata) Demi menjatuhkan kerajaan, yakni yang beliau sendiri asaskan kerajaan hari ini,” kata Perdana Menteri menerusi rakaman audio terbaharu di laman www.najibrazak.com.

Najib berkata, umum tahu pemimpin itu sanggup melakukan apa sahaja dalam usaha menjatuhkan kerajaan hari ini,

semata-mata bagi menjaga air muka dan ego sendiri.

Lontar tohmahan

Atas sebab ego, katanya, pemimpin berkenaan sering melontarkan pelbagai tohmahan terhadap kepemimpinan serta anggota pentadbiran kini walaupun apa yang dilontarkan berbau fitnah dan diperbesar-besarkan.

“Adakah beliau tidak terkecuali daripada tohmahan di lemparkan ke atas saya ketika zaman beliau memegang kuasa?”

“Walaupun apapun tohmahan

yang dilemparkan kepada beliau dahulu, bangunan serta infrastruktur tetap dibangunkan, negara tetap dapat melalui proses transformasi walaupun musuh politik dahulu yang kini beliau bersubahat, menuduh beliau sebagai pemberi rasuah, salah guna kuasa dan kepala perompak,” katanya.

Namun di sebalik serangan pemimpin terbabit, Najib menegaskan, beliau akan meneruskan tanggungjawab serta tugas dalam membangunkan agama, bangsa dan negara.

BERNAMA

Najib ucap takziah insiden bom Thailand

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah kepada rakyat Thailand yang terjejas akibat insiden pengeboman di wilayah selatan negara itu.

“Setakat ini tiada warga Malaysia yang menjadi korban atau cedera tetapi kita akan terus memantau rapi keadaan,” kata Perdana Menteri dalam laman Facebook dan

Twitternya, semalam.

Najib yang terkejut dengan insiden itu, berkata Malaysia terutama polis bersiap siaga untuk memberi bantuan dan kerjasama perisikan kepada Thailand jika perlu.

➔ Lagi berita di ruangan Dunia Ms.42, 43